



Unit 13 – Dunia Sains

Pencemaran Udara

Pencemaran udara ialah keadaan udara yang tercemar oleh bahan berbahaya. Ia boleh berlaku akibat asap kenderaan, asap kilang, pembakaran sampah dan asap rokok. Pencemaran udara boleh membahayakan kesihatan kita dan mengganggu alam sekitar.

Di bandar, asap kenderaan merupakan punca utama pencemaran udara. Kenderaan yang banyak di jalan raya mengeluarkan asap yang mengandungi bahan berbahaya. Selain itu, asap daripada kilang juga menyumbang kepada pencemaran udara. Pembakaran sampah secara terbuka juga menyebabkan asap yang tebal dan berbahaya.

Pencemaran udara boleh menyebabkan masalah kesihatan seperti batuk, selesema, kesukaran bernafas dan penyakit paru-paru. Selain itu, ia juga boleh menyebabkan hujan asid dan pemanasan global.

Oleh itu, kita semua perlu menjaga udara agar sentiasa bersih. Kita boleh mengurangkan pencemaran udara dengan menggunakan pengangkutan awam, menanam pokok, mengurangkan pembakaran sampah dan menjaga alam sekitar. Bersama-sama kita boleh mewujudkan udara yang bersih dan sihat untuk masa depan.



Soalan Kefahaman

1. Apakah yang dimaksudkan dengan pencemaran udara?

2. Apakah punca utama pencemaran udara di bandar?

3. Apakah kesan pencemaran udara terhadap kesihatan manusia?

4. Selain kesihatan manusia, apakah satu lagi kesan pencemaran udara?

5. Apakah yang boleh kita lakukan untuk mengurangkan pencemaran udara?

